

## **Proses pemulihan Malaysia Airlines diteruskan : Tiong Lai**

---

KUALA LUMPUR: Keputusan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Malaysia Airlines Bhd (MAB), Peter Bellew meninggalkan syarikat penerbangan nasional itu tidak menjasakan pemulihan syarikat berkenaan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata meskipun pengumuman itu mengejutkan, namun pemulihan syarikat itu perlu diteruskan.

Bagaimanapun, beliau mengakui belum menerima laporan daripada MAB berhubung peletakan jawatan berkenaan. "Kami belum tahu siapa yang akan menjadi CEO yang baharu, namun penggantinya akan tetap meneruskan transformasi MAB. "Syarikat penerbangan itu, kini berada dalam kedudukan yang baik (ke arah pemulihan)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Deepavali Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI) di sini, hari ini.

Majlis itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Yang turut hadir, Presiden MAICCI, Tan Sri Kenneth Eswaran.

Semalam, syarikat penerbangan Ryanair dalam kenyataannya menyebut, Bellew akan kembali menyertai mereka sebagai ketua pegawai operasi berkuat kuasa 1 Disember ini. Beliau bertanggungjawab bagi semua operasi penerbangan, darat dan kejuruteraan Ryanair.

---

**SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 26 | 19 OKTOBER 2017**